

KONSEP TERAPI NABI SAW SEBAGAI ALTERNATIF DALAM MENANGANI PENYAKIT FIZIKAL DAN SPIRITUAL

by Muhammad Misbah

Submission date: 19-Jun-2023 09:38AM (UTC+0700)

Submission ID: 2118650743

File name: Konsep_Terapi.pdf (419.23K)

Word count: 4921

Character count: 30231

Konsep Terapi Nabi SAW sebagai Alternatif dalam Menangani Penyakit Fizikal dan Spiritual

The Prophetic Therapy Concepts as An Alternative in Dealing with Physical and Spiritual Illness

Corresponding Author: Muhammad Masruri,

masruri@uthm.edu.my

7 Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor Malaysia

Faisal Husen Ismail, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor Malaysia

Arwansyah Kirin, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor Malaysia

Abd Shakor Borham, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor Malaysia

Muhammad Misbah, Fakultas Ushuluddin Institut Agama Islam Negeri Kudus, Indonesia

Mohd Hisyam Abdul Rahim, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor Malaysia

Abstrak

Berubat daripada segala penyakit samaada fizikal ataupun spiritual merupakan sesuatu perkara yang dituntut oleh Islam. Ia merangkumi pelbagai rawatan menggunakan ubat-ubatan, tanaman herba serta rawatan menggunakan doa daripada al-Quran dan al-Sunnah. Namun dalam kehidupan harian, masih ramai yang belum mengenal perubatan yang telah diasaskan Nabi SAW. Kertas kerja ini bertujuan bagi menjelaskan

131 Muhammad M., Faisal H. I., Arwansyah K., Abd Shakor B., Muhammad M.,
Mohd H. A. R.

kaedah Rasulullah SAW dalam menangani pesakit. Analisis konten merupakan fokus utama kajian ini. Ianya berkenaan kaedah terapi yang digunakan Rasulullah SAW dalam menangani penyakit. Kaedah pengubatan Rasulullah SAW ini merupakan terapi alamiah menggunakan herba atau bahan semula jadi dan terapi spiritual. Penggunaan doa-doa daripada al-Quran serta ijtihad Baginda SAW merupakan antara asas dalam rawatan selain penggunaan bahan-bahan yang halal dan tidak terkeluar daripada prinsip syariat. Terapi Nabi juga dilakukan dengan konsep berikhtiar dan bersungguh-sungguh dalam mencari kesembuhan serta menjaga lima perkara asas syariat Islam. Rawatan Islam merupakan antara media dakwah yang sangat memberi kesan baik kepada pesakit dan keluarga pesakit. Konsep terapi Nabi SAW ini diharapkan sebagai antara panduan asas bagi setiap orang Islam dalam menangani penyakit fizikal dan spiritual serta boleh membantu masyarakat yang tertimpa musibah.

Kata kunci: terapi, kaedah, al-Quran, Nabi SAW, syariat.

Abstract

Treat from all diseases, whether physical or spiritual is things demanded by Islam. It includes various treatments using medicines, herbal plants as well as treatments using prayers from the Quran and Sunnah. But in daily life, there are still many who do not know the medicine that was founded by the Prophet PBUH. This paper aims to explain the method of Allah messenger's PBUH in dealing with patients. Content analysis is the main focus of this study. It is about the method of therapy used by Allah messenger's PBUH in dealing with disease. This method of treatment of Allah Messenger's PBUH is a natural therapy using herbs or natural ingredients and spiritual therapy. Prayers from the Qur'an and the ijtihad of the Prophet PBUH are among the basics in treatment as well as the use of halal ingredients and do not deviate from the principles of Sharia. The Prophet's therapy is also done with the concept of trying and being diligent in seeking healing and maintaining the five basic things of Islamic law. Islamic treatment is among da'wah

Konsep Terapi Nabi SAW sebagai Alternatif dalam Menangani Penyakit 132
Fizikal dan Spiritual

media that has a very good effect on patients and patient's family. The concept of therapy of the Prophet PBUH is expected as one of the basic guidelines for every Muslim in dealing with physical and spiritual illness and can help the community affected by disasters.

Keywords: therapy, method, al-Quran, Prophet SAW, sharia

1. PENGENALAN

Manusia merupakan makhluk Allah SWT yang tidak lepas daripada gangguan penyakit. Berubat daripada penyakit yang menimpa seseorang samaada fizikal ataupun spiritual merupakan sesuatu perkara yang digalakkan oleh syariat Islam. Keperluan mengambil rawatan terhadap sesuatu penyakit adalah suatu perkara yang amat penting kerana ianya berhubung dengan kesihatan badan manusia bagi membolehkan melaksanakan ibadah dan amalan harian dengan baik. Pengubatan fizikal dan spiritual boleh dilakukan dengan melibatkan pelbagai jenis ubat-ubatan, tanaman herba, bahan semula jadi, rawatan menggunakan doa-doa daripada al-Quran dan al-Sunnah, demikian juga perubatan moden yang diamalkan pada hari ini. Islam memberi panduan dengan menjadikan perubatan yang sedia ada adalah selaras dengan tuntutan syariat Islam. Rasulullah SAW dan sahabatnya sentiasa mengambil rawatan apabila menghadapi suatu penyakit serta menyakini bahawa Allah SWT menurunkan sesuatu penyakit berserta dengan menurunkan penawarnya. (Basri bin Ibrahim 2004).

Penyakit yang dihadapi oleh manusia meliputi penyakit fizikal dan spiritual. Penyakit fizikal merupakan penyakit yang mengenai anggota fizik seseorang, nampak atau zahir pada badan fizikal serta boleh dirasai sakit pada tubuh badan seseorang seperti; penyakit kulit, demam, selsema, barah, batuk, lumpuh dan sebagainya (Masruri 2019). Penyakit spiritual pula merupakan sejenis penyakit berkenaan rohani atau jiwa seseorang, tidak nampak pada fizikal seseorang. Antara penyakit spiritual adalah sikap atau pernyataan keraguan terhadap wujudnya Allah SWT, keraguan kepada ajaran Islam, kerisuan, keresahan, kedukacitaan, ke-

133 Muhammad M., Faisal H. I., Arwansyah K., Abd Shakor B., Muhammad M., Mohd H. A. R.

cenderung untuk melakukan maksiat, kebencian kepada ulama, takbur, riyak, sombong, hasad dengki, gangguan makhluk halus pada badan manusia, gangguan sihir, histeria, gangguan berlaku pada rumah kediaman, kedai, sekolah, pejabat, jalan raya, pada kenderaan. (Haron Din 2011 & Abdul Basir 1999). Allah SWT menurunkan sesuatu penyakit berserta dengan menurunkan penawarnya. (Basri bin Ibrahim 2004). Perkara ini sepertimana dijelaskan dalam firman Allah:

وَنُنزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

5 Dan kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran Ayat-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim melainkan kerugian jua.

Su-

rah *al-Isra'* (17): 82

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang diturunkan selain sebagai sumber hukum Islam juga sebagai penyembuh dan rahmat bagi setiap orang yang beriman. Al-Razi (1981) dalam tafsir *Mafatih al-Ghayb* memberi pandangan bahawa seluruh ayat al-Quran merupakan penawar atau penyembuh bagi setiap orang mukmin daripada penyakit fizikal dan spiritual. Al-Quran sebagai rahmat bagi orang Islam dalam memenuhi keperluan hidup yang membawa masalah serta menghindari keburukan di sebalik tujuan mulia yang dibawa Rasulullah SAW (al-Syatibi 1997). Keberkatan bacaan al-Quran sebagai penawar daripada segala jenis penyakit jasmani, rohani, penyakit gangguan jiwa atau mental. Ianya juga menyembuhkan sifat kebodohan dan ragu daripada hari seseorang. Al-Quran sebagai penyembuh penyakit zahir dengan kaedah ruqyah, *ta'awwuz* atau doa yang lain (Qurtubi 2006). Al-Quran juga boleh merawat penyakit hati seperti penyakit waswas, sedih yang amat sangat, bimbang, ragu, hasad dan lainya (Samih °Atif 1991). Bacaan al-Quran merupakan antara mukjizat agung yang boleh menyembuhkan pelbagai penyakit jasmani dan rohani, bahkan boleh mengusir gangguan makhluk halus daripada golongan jin dan syaitan (Masruri 2019).

Rawatan menjaga kesihatan dan berubat daripada sebarang penyakit merupakan sebahagian daripada Sunnah Nabi SAW (al-Kahhal

Konsep Terapi Nabi SAW sebagai Alternatif dalam Menangani Penyakit ¹³⁴ Fizikal dan Spiritual

2003). Rasulullah SAW sebagai pembawa risalah Islam telah memberi tunjuk ajar kepada umat Islam mengenai kaedah menjaga kesihatan dan merawat penyakit. Kaedah ini dikenal dengan istilah ilmu rawatan Nabi atau *al-Tibb al-Nabawi* (Ibn Qayyim 2005). Kaedah rawatan yang dilakukan Rasulullah SAW meliputi kaedah rawatan jasmani dan kaedah rawatan rohani atau *tibb al-qalb*. Pengubatan jasmani merupakan pengubatan secara fizikal yang bersifat semulajadi, manakala pengubatan hati ialah pengubatan dengan doa dan bacaan tertentu daripada al-Quran atau Sunnah atau disusun oleh para ulama yang ahli dalam bidang perubatan (Nurdeng & Hayati 2011).

Kertas kerja ini bertujuan bagi menjelaskan beberapa kaedah pengubatan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW menggunakan metodologi kajian kualitatif analisis konten. Kajian analisis kandungan dokumen melibatkan buku-buku, kitab-kitab, jurnal, kertas-kertas kerja dan tulisan lain yang berkaitan konsep dan kaedah terapi Rasulullah SAW menangani penyakit fizikal dan spiritual.

2. BERUBAT MENURUT PANDANGAN ISLAM

Para Ulama berbeza pandangan mengenai hukum mengambil berubat dan mengambil rawatan. Diantara mereka ada yang berpendapat makruh, ada yang berpendapat sunat, dan ada yang mewajibkannya. Sesetengah ulama menyatakan keharusan berubat. (Masruri 2019). Rasulullah SAW sentiasa mengambil rawatan apabila ditimpa suatu penyakit serta memerintahkan para sahabat dan umatnya untuk mengambil rawatan ketika mengalami suatu penyakit samaada penyakit jasmani ataupun penyakit rohani (Basri bin Ibrahim 2004) Rasulullah SAW bersabda:

³ تَدَاوُوا فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً غَيْرَ دَاءٍ وَاحِدٍ أَلْهَرَمُ
Berubatlah kalian wahai hamba-hamba Allah, kerana Allah SWT tidak meletakkan suatu penyakit kecuali diletakkan juga bersama ubatnya melainkan satu penyakit sahaja iaitu penyakit tua. (Abi Dawud 1986 no. Hadis 3855).

135 Muhammad M., Faisal H. I., Arwansyah K., Abd Shakor B., Muhammad M., Mohd H. A. R.

Dalam hadis ini, Baginda Nabi SAW menyuruh umatnya untuk berikhtiar dengan berubat dan mengambil rawatan ketika mengalami sakit sehingga ditemukan ubat penawar bagi penyakit tersebut. Setiap orang Islam digalakkan untuk mencari kesembuhan dengan pelbagai kaedah sehingga dijumpai penawar atau ubat yang sesuai bagi menyembuhkan penyakit tersebut dengan izin Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda:

مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

Allah SWT tidak menurunkan suatu penyakit melainkan menurunkan ubat bersamanya (al-Bukhari 2001, no. hadis 5678).

Allah SWT adalah Tuhan Yang Maha Menyembuhkan setiap penyakit, dan tidak mencipta suatu penyakit melainkan diciptakan bersamanya sebab yang menjadikan wasilah bagi kesembuhan penyakit tersebut. Rasulullah SAW telah bersabda:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

3 Setiap penyakit itu ada ubatnya. Maka apabila dijumpai ubat kepada suatu penyakit itu, nescaya disembuhkan dengan izin Allah 'Azza wa Jalla (Muslim 2006 no. hadis 2205).

Allah SWT menurunkan penyakit dengan menurunkan ubatnya dan memberikan kemudahan dan pengetahuan kaedah merawat penyakit kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya sebagai perantara dalam menyembuhkan suatu penyakit (Muhammad bin Ali 2015). Agama Islam sentiasa mengingatkan umatnya untuk menjaga kebersihan dan kesihatan fizikal serta spiritual (Abdul Basir 1999). Kesihatan merupakan antara wasilah bagi melaksanakan ibadah dengan baik dan sempurna. Rawatan terhadap sesuatu penyakit yang menimpa seseorang merupakan keperluan suatu keperluan yang amat penting. (Basri bin Ibrahim 2004). Oleh yang demikian, Islam sangat menggalakkan umatnya menjaga kesihatan jasmani dan rohani (Ali Yusuf 1992). Berubat merupakan sebagai bentuk ikhtiar seorang hamba dalam menghadapi cubaan serta dugaan daripada Tuhan Penciptanya. Ikhtiar dan bersungguh-sungguh

Konsep Terapi Nabi SAW sebagai Alternatif dalam Menangani Penyakit 136 Fizikal dan Spiritual

dalam mencari kesembuhan amat disukai oleh agama (Abdul Aziz 2012). Berdasarkan kepada realiti masa kini yang terdapat pelbagai macam penyakit yang amat merbahaya dan amat sukar dijumpai penawarnya keperluan mengambil rawatan adalah sangat mustahak bagi mendapatkan kesembuhan (Basri bin Ibrahim 2004).

Berdasarkan kepada penjelasan hadis Nabi SAW serta ijtihad dan pandangan pakar perubatan Islam maka hukum berubat daripada sebarang penyakit adalah harus. Namun apabila penyakit tersebut boleh membawa kepada terganggunya ibadah maka ianya boleh menjadi sunat. Apabila penyakit tersebut adalah sejenis penyakit berjangkit yang merbahaya maka adalah suatu kewajiban untuk berubat dan mencari kesembuhan daripada penyakit tersebut.

Para ulama telah bersepakat bahawa menuntut ilmu perubatan merupakan fardu kifayah dan suatu tanggung jawab bagi setiap orang Islam (Amran Kasimin & Haron Din 1987). Manakala mengamalkan kaedah rawatan berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah merupakan suatu kewajiban bagi sesiapa yang telah menguasainya kerana ia sangat membantu melapangkan orang yang terkena kesusahan, kesempitan dalam hidupnya atau menolong orang yang dizalimi makhluk halus (Usamah Muhammad 2004).

3. KONSEP RAWATAN ISLAM

Rawatan Islam merupakan ikhtiar bagi mencari kesembuhan penyakit jasmani dan rohani dengan menggunakan kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak serta dilakukan semata-mata ikhlas kerana Allah SWT (Haron Din 2011). Oleh itu, akidah merupakan perkara asas yang perlu di ambil perhatian dalam rawatan Islam. Antara perkara yang paling asas dalam rawatan Islam adalah keyakinan yang menyatakan bahawa setiap penyakit datang daripada Allah SWT dan kesembuhan bagi setiap penyakit tersebut juga datang daripada-Nya. Rawatan Islam perlu mematuhi beberapa konsep dan prinsip yang telah ditetapkan oleh syarak, antaranya:

137 Muhammad M., Faisal H. I., Arwansyah K., Abd Shakor B., Muhammad M.,
Mohd H. A. R.

a. Menggunakan doa-doa daripada al-Quran dan al-Sunnah

Allah SWT menurunkan al-Quran kepada orang yang beriman sebagai rahmat dan penawar pelbagai penyakit hati yang meliputi sifat hasad, dengki, serta membersihkan rohani mereka (al-Sha^crawi 1988). Al-Quran diturunkan kepada umat manusia sebagai sumber pengubatan yang dapat menyembuhkan segala penyakit jasmani, rohani, penyakit hati dan jiwa. Allah SWT tidak menurunkan ubat yang lebih bermanfaat dan lebih berkesan dalam menyembuhkan setiap penyakit berbanding al-Quran. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ

لِّلْمُؤْمِنِينَ

1 Wahai umat manusia, Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang yang beriman.

Surah

Yunus, (10):

57

9 Allah SWT telah menjadikan al-Quran sebagai kelebihan bagi orang yang beriman yang berfaedah untuk menyembuhkan pelbagai penyakit yang timbul di dalam hati mereka kerana gangguan nafsu dan gangguan syaitan (al-Tabari 2000). al-Quran adalah penawar terbaik bagi setiap penyakit rohani yang ada di dalam hati merangkumi penyakit-penyakit hawa nafsu dan penyakit keraguan (al-Sa^cdi 2000).

Rasulullah SAW telah memberi tunjuk ajar kepada umatnya mengenai penggunaan ayat-ayat al-Quran sebagai sumber asas pengubatan Islam. Baginda SAW juga telah memberi tunjuk ajar kepada para sahabat dan umat Islam mengenai kaedah merawat gangguan penyakit fizikal dan spiritual berasaskan doa-doa yang diambil daripada ayat-ayat al-Quran dan ijtihad Baginda SAW sendiri. Sepertimana penjelasan hadis Nabi SAW:

Konsep Terapi Nabi SAW sebagai Alternatif dalam Menangani Penyakit 138
Fizikal dan Spiritual

فِي فَاتِحَةِ الْكِتَابِ شِفَاءٌ مِنْ كُلِّ دَاءٍ

Dalam *Fatihah al-kitab* (surah al-Fatihah) terdapat penyembuhan daripada segala penyakit (Al-Darimi 2000, no hadis 3691). Demikian juga baginda SAW bersabda:

مَا مِنْ عَبْدٍ يَقُولُ فِي صَبَاحِ كُلِّ يَوْمٍ وَمَسَاءِ كُلِّ لَيْلَةٍ بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ لَمْ يَضُرَّهُ شَيْءٌ

Sesiapa setiap pagi dan petang membaca بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ melainkan tidak akan memberi mudarat kepadanya sesuatu apapun.

Para ulama *salaf al-salih* sebagai penerus para Nabi juga telah berjihad dan meletakkan kaedah rawatan suatu penyakit mengikut panduan al-Quran dan al-Sunnah (Ibn Qayyim 1999). Dengan membaca ataupun mendengarkan al-Quran, hati yang kotor dan penuh hasad dengki menjadi tenang dan damai (Khairunnas Rajab 2012).

b. Menggunakan bahan tertentu yang halal disisi syarak.

Islam mewajibkan umatnya untuk mencari yang halal. Umat Islam diperintah untuk mencari rezeki, makanan dan minuman yang benar-benar halal lagi baik, suci dan bersih. Dalam perkara pengubatan, umat Islam juga diwajibkan untuk mencari ubat atau penawar penyakit yang halal disisi syariat. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Wahai sekalian manusia! makanlah dari apa yang ada dibumi yang halal lagi baik; dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.

Surah *al-*

Baqarah (2) :168

Setiap orang Islam diperintahkan oleh Allah SWT untuk mengambil makanan yang halal lagi baik menurut syariat serta menjauhi

139 Muhammad M., Faisal H. I., Arwansyah K., Abd Shakor B., Muhammad M., Mohd H. A. R.

jejak syaitan dengan meninggalkan perkara yang diharamkan Allah SWT (Ibn Kathir 200). Demikian juga Allah SWT mengharamkan sesuatu yang membawa mudarat kepada manusia serta perkara yang najis. Penggunaan ubat yang haram, walaupun secara zahir boleh menyembuhkan penyakit namun ianya boleh menyebabkan mudarat yang lebih besar yang tidak disedari seperti penyakit gangguan jiwa ataupun mental (Ibn Qayyim 2005).

c. Tidak terkeluar daripada prinsip syariat Islam.

Perubatan dan rawatan terhadap penyakit merupakan suatu bidang yang termasuk dalam kategori fardu kifayah. Ianya mesti mematuhi prinsip-prinsip syariat, menjauhi segala bentuk kemudaratan dan dilakukan dengan ikhlas serta sesuai dengan petunjuk Rasulullah SAW. Segala kemudaratan yang boleh berlaku ke atas diri manusia wajib dihindari (Danial Zainal 1988). Syariat Islam sangat memperhatikan kesejahteraan umatnya dengan menjaga sesuatu yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan kehidupan mereka. Rasulullah SAW bersabda: لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Tidak boleh melakukan kemudaratan dan tidak boleh membalas dengan kemudaratan yang lain (Ahmad ibn Hanbal. 2001).

Setiap perkara yang boleh membawa mudarat kepada diri sendiri ataupun kepada orang lain adalah dilarang, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Setiap perkara yang diperintahkan Allah kepada hamba-Nya adalah mengandungi kebaikan dunia dan akhirat manakala setiap larangan Allah SWT adalah mengandungi mudarat yang membawa kepada kerosakan dunia dan akhirat (Ismail Muhammad 1950). Islam sangat mengambil berat mengenai keselamatan setiap manusia yang boleh menjejaskan kesihatan dan mengancam nyawa. Apabila terdapat pertembungan antara sesuatu yang membawa kepada masalah dan yang membawa mudarat maka langkah yang utama adalah menolak kemudaratan. Sekiranya suatu mudarat tidak dikawal, ia akan memberi kesan yang

Konsep Terapi Nabi SAW sebagai Alternatif dalam Menangani Penyakit 140
Fizikal dan Spiritual

berpanjangan berbanding meninggalkan maslahat (kebaikan) (Al-Zarqā 1989).

d. Menjaga lima perkara asas dalam Syariat Islam.

Imam al-Syatibi (1997) menyatakan bahawa para ulama telah bersepakat bahawa syari'at Islam diturunkan untuk menjaga *al-daruriyyat al-khamsah*, iaitu: agama, nyawa, keturunan, harta dan akal. Demikian juga perubatan Islam perlulah menjaga *maqasid al-shari'ah* yang meliputi menjaga agama, nyawa, aqal, harta benda, dan keturunan (Muhammad Ahma 2008). Ilmu perubatan adalah mempunyai objektif dan matlamat yang sama seperti objektif syariat Islam. Ilmu perubatan ditetapkan bagi memperoleh manfaat keselamatan dan kesihatan serta menjauhi kemudaratan penyakit. (Arif Salleh et. al 2019)

Pemeliharaan agama dilakukan dengan menjaga segala perkara yang menjamin akidah seseorang dengan mengamalkan segala ajaran Islam serta menjaga agar terhindar daripada segala perkara yang boleh merosak atau memesongkan akidah (al-Syatibi 1997). Fizikal sihat dan kuat sebagai perantara bagi melaksanakan amalan Islam dengan sempurna, menjaga akidah serta tegaknya syiar ajaran Islam. Pengamalan ajaran agama dengan baik merupakan pendekatan bagi memelihara agama. Amalan perubatan Islam memberi sumbangan yang sangat bernilai kepada penjagaan amalan ibadah yang sempurna dengan penjagaan kesihatan fizikal dan akal seseorang. (Omar Hasan 2004).

Tujuan utama melakukan rawatan dan berubat adalah untuk memelihara nyawa. Sistem latihan yang panjang dan pembelajaran mengenai kaedah perubatan yang dibuat secara sistematik serta latihan dan praktikal bagi menjadikan ahli perubatan yang mahir sehingga dapat membantu menyelamatkan nyawa manusia dengan profesional. Menurut al-Ghazali (1997) menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) juga mempunyai maksud memelihara kehidupan manusia melalui pelaksanaan undang-undang dan hukuman yang boleh menjamin kehidupan.

Penjagaan dan pemeliharaan akal daripada perkara yang boleh merosakannya merupakan antara matlamat utama syariat Islam. Akal

141 Muhammad M., Faisal H. I., Arwansyah K., Abd Shakor B., Muhammad M.,
Mohd H. A. R.

merupakan anugerah yang diberikan Allah SWT kepada manusia supaya dapat memahami nilai kehidupan serta memikul amanah dan tanggungjawab (al-Ghazali 1997). Oleh itu, perubatan Islam melarang manusia menggunakan perkara yang boleh membawa kepada rosaknya akal seperti dadah dan perkara yang memabukkan. Ia juga dilakukan dengan memberi perlindungan kepada kesihatan akal manusia serta menjauhi perkara yang merosakkannya (Ibnu 'Ashur 2004).

Konsep memelihara dan melindungi keturunan merupakan elemen penting dalam membentuk masyarakat yang sihat, produktif dan sejahtera. Keturunan perlu dipelihara dan dijaga bagi mengelak daripada terjadinya masalah sosial dalam masyarakat. Demikian juga kesihatan bayi dan kanak-kanak sebagai penerus generasi yang akan datang perlu dijaga. Dengan adanya generasi yang baik maka akan membawa kepada ketenteraman dan kesejahteraan suatu negara. Dalam perubatan, menjaga kesihatan dan menghindari daripada perkara yang menjejaskan kesihatan merupakan usaha awal mengawal diri terdedah kepada penyakit. Pencegahan penyakit pada peringkat awal sebagai ikhtiar perubatan boleh mengurangkan kos penggunaan harta benda untuk berubat. (Bayan Linnas Siri Ke-189, 2019). Dengan keadaan masyarakat yang sihat, maka urusan kehidupan dan ekonomi dapat dijalankan dengan baik dan stabil (Omar Hasan 2004).

e. Berikhtiar dan bertawakkal serta mencari keredaan Allah SWT

Dunia nyata ini merupakan tempat berbagai ujian dan cobaan daripada Allah SWT. Setiap orang yang beriman diperintahkan untuk sentiasa berikhtiar dengan bersabar dan bertawakkal ketika mengalami ujian terkena suatu penyakit. Bertawakkal dan reda kepada ketentuan Allah merupakan antara syarat bagi seorang Islam mendapat pertolongan daripada Allah SWT. Islam menggalakkan umatnya untuk berusaha dan berikhtiar dalam mencari kesembuhan suatu penyakit. Umat Islam juga diperintahkan untuk bertawakkal ketika ditimpa suatu penyakit serta ketika berusaha mendapatkan kesembuhan dari penyakit tersebut. Dalam usaha mencari kesembuhan terhadap suatu penyakit tersebut perlu

**Konsep Terapi Nabi SAW sebagai Alternatif dalam Menangani Penyakit 142
Fizikal dan Spiritual**

menyakini dan reda bahwa setiap sesuatu berasal daripada Allah SWT sebagai dugaan kepada umat manusia (Abdul Basir 1999). Setiap hamba reda kepada Allah apabila ditimpa suatu penyakit serta berupaya mendapat kesembuhan dengan menyerahkan diri dan bertawakkal kepada Allah SWT (Danial Zainal 1988). Baginda SAW memberi penjelasan kepada umatnya bahwa setiap penyakit yang diturunkan Allah SWT terdapat suatu penawar atau penyembuhan yang diturunkan bersamanya. Setiap penyakit yang menimpa seorang hamba sudah pasti terdapat suatu penyembuhan dengan izin Allah SWT (Muhammad Masruri et.al 2017). Dengan reda dan berserah diri kepada ketentuan Allah, maka setiap orang Islam dapat melalui dugaan dan ujian dengan sabar sehingga mendapat pertolongan daripada Allah SWT dengan disembuhkan daripada sebarang penyakit.

g. Bersungguh sungguh serta tidak berputus asa

Dalam usaha mencari penyembuh atau ubat yang sesuai diperlukan sifat bersungguh-sungguh dan tidak putus asa. Dalam Kamus Dewan (2002) bersungguh-sungguh bermaksud bekerja atau berusaha melakukan sesuatu dengan sepuh hati, penuh minat serta tidak main-main.

Islam menggalakkan umatnya untuk bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

1 Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Surah al-

Ankabut (29) 69

Iaitu bersungguh-sungguh didalam agama Allah dan mencari reda Allah (Qurtubi 2006). Iaitu dengan melaksanakan perintah Allah dengan kesungguhan serta menjauhi larangan-Nya. Nabi SAW bersabda:

143 Muhammad M., Faisal H. I., Arwansyah K., Abd Shakor B., Muhammad M., Mohd H. A. R.

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ

Sesungguhnya Allah 'Azza Wa Jalla menyukai seseorang daripada kamu apabila melakukan sesuatu dilakukan dengan bersungguh-sungguh.(al-Suyuti 1988)

Umat Islam digalakkan untuk mengadakan kajian bagi mendapatkan penawar suatu penyakit dengan kesungguhan dan berkeyakinan bahawa setiap penyakit ada ubatnya. Setiap penyakit yang diturunkan Allah SWT kepada umat manusia sebagai dugaan berserta dengan penawarnya (Haron Din 2011). Kesungguhan dan keyakinan dalam diri menggalakkan setiap manusia supaya berusaha menjaga dan memelihara kesihatan yang telah dikurniakan oleh Allah SWT (Muhammad Ibrahim 2009).

h. Menjadikan rawatan Islam sebagai media dakwah

Dakwah bermaksud menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima suatu kepercayaan (Kamus Dewan 2002). Dakwah bermaksud memberi pemahaman kepada orang ramai mengenai perkara agama, menggalakkan perbuatan baik, mencegah perbuatan buruk, mengingatkan mereka terhadap perkara membawa mudarat (Salih ibn Abdillah 1420). . Islam menggalakkan umatnya untuk menjaga kesihatan badan daripada terkena penyakit (Ahmad Ahmad 1987). Rawatan Islam merupakan satu di antara media dakwah yang amat berkesan. Ianya merupakan antara media dakwah kepada pesakit, waris dan keluarga pesakit, masyarakat, serta kepada makhluk halus (Muhammad Masruri 2019). Keberkesanan dakwah ini berlaku kerana setiap pesakit atau ahli keluarga pesakit akan mendengar dengan baik nasihat yang diberikan oleh seorang perawat berkenaan akidah dan amalan ibadah harian. Demikian juga perawat kepada golongan jin. Dengan dakwah yang baik, makhluk halus yang mengganggu pesakit boleh menerima dakwah perawat. Antara dakwah yang boleh dilakukan adalah dengan mengarahkan pesakit untuk sentiasa bertawakkal dan bertaqwa kepada Allah serta mengikut Sunnah Rasulullah SAW (Usamah al-^cAwdi 2004).

i. Membantu dan tolong menolong

Islam adalah agama yang menggalakkan untuk tolong-menolong. Amalan tolong-menolong dan bantu-membantu amat digalakkan dalam perkara kebaikan serta melarang perbuatan maksiat (Ahmad Ahmad 1987). Firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ **11**

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan penceroohan.

Surah

al-Maidah(4) 2

Setiap orang mukmin digalakkan untuk tolong menolong dalam kebaikan dan takwa dengan melaksanakan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya (al-Tabari 2001). Menolong orang yang dalam mengalami kesusahan, kesulitan, kerunsingan hidup merupakan suatu kewajiban bagi setiap orang Islam. Rawatan Islam menggunakan konsep membantu dan menolong kepada sesiapa yang memerlukan. Setiap pesakit yang datang kepada perawat adalah untuk meminta pertolongan bagi mengatasi masalah yang sedang dihadapi. Oleh itu, setiap perawat tidak boleh mementingkan diri sendiri tetapi perlu bersedia membantu sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan rawatan (Muhammad Ahmad 2008).

Baginda Nabi SAW menggalakkan umatnya untuk mambantu dan tolong-menolong kepada sesama saudara muslim. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا، نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَىٰ مُعْسِرٍ، يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا، سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

145 Muhammad M., Faisal H. I., Arwansyah K., Abd Shakor B., Muhammad M.,
Mohd H. A. R.

2 Sesiapa yang meringankan daripada seorang mukmin satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan dunia, Allah akan meringankan daripadanya satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan hari kiamat. Sesiapa yang memudahkan kepada orang yang kesempitan, Allah akan memudahkan kepadanya di dunia dan akhirat. Sesiapa yang menutup (aurat atau keaiban) seorang muslim, Allah akan menutup (aurat dan keaiban) nya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa menolong seseorang hamba selagi mana hamba itu menolong saudaranya. (Muslim 2006, no. hadis 2699).

Allah akan memberi pertolongan kepada hamba-Nya yang menolong saudaranya yang muslim. Seorang muslim perlu menolong orang yang dizalimi dan orang yang berbuat zalim, kerana kedua-duanya merupakan orang yang amat memerlukan pertolongan (Usamah al-Awidi 2004).

4 KESIMPULAN

9 Rawatan Islam sebagai rawatan menjadikan doa-doa yang bersumber daripada al-Quran dan al-sunnah sebagai asasnya. Dalam merawat penyakit, Rasulullah SAW menggunakan beberapa konsep yang bertujuan bagi menjadikan rawatan yang dilakukan bersesuaian dengan prinsip syariat Islam yang mengedepankan kepada kesejahteraan umatnya. Konsep Baginda ini merupakan panduan yang sangat berguna bagi umat Islam dalam memahami rawatan Islam. Pemahaman yang mendalam mengenai konsep rawatan Islam daripada pengajaran Rasulullah SAW ini diharapkan boleh menyelamatkan orang ramai daripada keraguan dan kesilapan dalam mencari kesembuhan.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai sepenuhnya oleh dana penyelidikan Tier 1 (H824), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

**Konsep Terapi Nabi SAW sebagai Alternatif dalam Menangani Penyakit 146
Fizikal dan Spiritual**

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Ahmad Ahmad Ghalwis.1987. *al-Da'wah al-Islamiyyah; Usuluha wa wasailuha*. Bairut: Dar al-Kitab al-Masri.

Abdullah Basmeih. 2001.*Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. edisi kelapan. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Abdul Basir Mohamed. 1999. Amalan Sihir dan Ayat-ayat al-Quran perbezaannya serta kesannya terhadap amalan perubatan. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Amran Kasimin dan Haron Din. 1987. *Rawatan Pesakit Menurut al-Quran dan al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.

Arif Salleh et.al 2019. Fatwa & Sains Perubatan Moden Menurut Perspektif Maqasid Syariah, UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies. vol. 6, no.2-2 (2019) pp. 151-164.

Basri bin Ibrahim al-Hasani al Azhari. 2004. *Rawatan Dalam Islam*. Johor: Perniagaan Jahabersa.

al-Bukhārī, al-Imam al-Hāfiz Abi °Abd Allah Muhammad ibn Ismā'īl.1400 H. *al-Jāmi' al-Sahih. Tahqīq*. Muhīb al-Dīn al-Khatīb. Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyah.

Danial Zainal Abidin, Dr. 1988. Konsep Perubatan Islam. Pulau Pinang: Pustaka Ilmu.

Dewan Bahasa dan Pustaka. 2002. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

147 Muhammad M., Faisal H. I., Arwansyah K., Abd Shakor B., Muhammad M.,
Mohd H. A. R.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1997. *Al-Mustasfa fi 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Haron Din. 2011. *Rawatan Penyakit Rohani*. Bandar Baru Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa'.

Husayn ibn Bakhmah al-Muraghani. 1999. *al-Burhan fi al-Istifta' bi al-Sunnah wa al-Qur'an*. Damsyik: Dar Ibn Kathir.

Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir. 1998. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyah*. Qatar: Wazarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.

Ibn Hibbān ibn Ahmad Abī Hātim, al-Imam al-Hāfiz Muhammad. 1993. *Sahih Ibn Hibbān. Tahqīq Shu'ayb al-Arnaūṭi*. Bayrut: Muassasah al-Risālah.

Ibn Kathir, Imad al-Din Abi al-Fida' Ismail. 2000. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Giza, Kaherah: Muassasah Qurtubah.

Ibn Manzūr, Abu al-Fadl Jamāl al-Dīn Muhammad Ibn Makram. t.th. *Lisān al-ʿArab*, Bayrut: Dār al-Maʿārif.

Khairunnas Rajab. 2012. *Pengubatan jiwa metode perawatan kesihatan mental dalam Islam*. Kuala Lumpur: Darul Fikir

Al-Mubayyad. 2008. *al-Massu al-Shaytani wa Turuq al-ʿIlaj*. Kaherah: Muassasah al-Muhtar.

Muhammad bin Ali. 2015. *Bahr al-Muhit al-Thajjaj Sharh Sahih Muslim*. Riyad: Dar Ibn al-Jawzi.

Muhammad Masruri, 2017. *Konsep al-Sunnah dalam Rawatan Penyakit*. Jurnal Hadhari. Vol 9 No 1 ISSN 1985-6830. Jun 2017, Bangi: Penerbit UKM

**Konsep Terapi Nabi SAW sebagai Alternatif dalam Menangani Penyakit ¹⁴⁸
Fizikal dan Spiritual**

- Muhammad Masruri. 2019. *Rawatan Gangguan Makhluq Halus dan Sihir Menurut Perspektif al-Sunnah*. Bangi: Penerbit UKM. 2019
- Muslim, al-Imām al-Hāfīz Abi al-Husayn Muslim ibn al-Hajāj al-Naysābūrī. 2006. *Al-Jāmi' al-Sahih*. Riyāḍ: Dar al-Taybah.
- al-Nawawī, al-Imām Yahya ibn Sharaf. 1929. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawī* Al-Qāherah: Matba'ah al-Misriyah.
- Omar Hasan Kasuli (2004). Al-Akhlaqiyat al-tibbiyah min al-maqasid al-Syar'iyah. Diakses daripada <https://archive.islamonline.net/10005#06>, pada 14 Disember 2020.
- al-Qurtubi, Abi °Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakr. 2006. *al-Jami' li ahkam al-Quran*, Bayrut: Muassasah Resalah.
- al-Razi, Fahr 1981. *Tafsir al-Fahr al-Razi al-Mustahir bi al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghaib*. Bayrut: Dar fikr.
- Al-Raysuni, Ahmad. 1995. *Nazariyah al-Maqasid 'inda al-Imam al-Shatibi*. Cet. Ke-4. Herndon, Virginia: al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa. 1997. *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Tahqiq Ibrahim Ramadhan. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Tirmidhī, al-Imām al-Hāfīz Muhammad ibn °Isā Ibn Sawrah. 1417 H. *Sunan Tirmidhī. Tahqīq al-Albanī*. Riyad: Maktabah al-Ma'ārif.
- Usamah Muhammad al-°Awdi. 2004. *al-Manhaj al-Qur'ani li al-°Ilaj al-Sirh wa al-Massi al-Shaytani*. Kaherah: Dar al-Haram li al-Turath.

149 Muhammad M., Faisal H. I., Arwansyah K., Abd Shakor B., Muhammad M.,
Mohd H. A. R.

Wahid Abd al- Salam Bali. 1997. *Wiqayah al-Insan min al-Jin wa al-Ins*,
Kaherah: Maktabah Tabi'in.

al-Zarqa, Ahmad bin Muhammad. 1989. *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*.
Damshiq: Dar al-Qalam

BAYAN LINNAS SIRI KE-189: MAQASID SYARIAH DALAM
PERUBATAN, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Diterbitkan:
03 Julai 2019. [https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3541-
bayan-linnas-siri-ke-189-maqasid-syariah-dalam-perubatan](https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3541-bayan-linnas-siri-ke-189-maqasid-syariah-dalam-perubatan)

KONSEP TERAPI NABI SAW SEBAGAI ALTERNATIF DALAM MENANGANI PENYAKIT FIZIKAL DAN SPIRITUAL

ORIGINALITY REPORT

12%

SIMILARITY INDEX

12%

INTERNET SOURCES

3%

PUBLICATIONS

%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1	studentsrepo.um.edu.my Internet Source	3%
2	medantempurkedah.blogspot.com Internet Source	1%
3	oarep.usim.edu.my Internet Source	1%
4	umexpert.um.edu.my Internet Source	1%
5	tele.me Internet Source	1%
6	alhikmah.my Internet Source	1%
7	journalarticle.ukm.my Internet Source	1%
8	eprints.utm.my Internet Source	1%
9	etd.uum.edu.my Internet Source	1%

10

hsi.moh.gov.my

Internet Source

1 %

11

www.scribd.com

Internet Source

1 %

Exclude quotes On

Exclude matches < 1%

Exclude bibliography On